

© Karang Kutu 2013

First published 2013

All rights reserved. No part of this work may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise, without written approval from the author. Please contact the author at karangkutu@gmail.com for bulk purchase at a discounted price for students.

Contoh Karangan Naratif 1 <i>Narative Writing Example 1</i>	5
Tuliskan sebuah cerita yang mengisahkan tentang perasaan buruk sangka yang akhirnya membawa padah.	
Tema: Jenayah Antarabangsa <i>Theme: International Crime</i>	
Contoh Karangan Naratif 2 <i>Narative Writing Example 2</i>	11
Tulis sebuah cerita tentang kejadian yang membuat kamu ingin membela nasib orang yang teraniaya.	
Tema: Buli <i>Theme: Bullying</i>	
Contoh Karangan Naratif 3 <i>Narative Writing Example 3</i>	16
Tulis sebuah cerita yang berakhir dengan sesuatu yang tidak diduga.	
Tema: Pengaruh Negatif Internet <i>Theme: Internet Negative Influence</i>	
Contoh Karangan Naratif 4 <i>Narative Writing Example 4</i>	19
Tulis sebuah cerita tentang bagaimana nasihat yang diberikan diabaikan pada saat nasihat tersebut amat diperlukan.	
Tema: Hubungan Guru & Pelajar <i>Theme: Teacher & Student Relationship</i>	

- Contoh Karangan Naratif 5 23
Narative Writing Example 5
Tulis sebuah cerita mengenai suatu peristiwa yang menunjukkan bahwa kejujuran merupakan amalan yang sebaik-baiknya dalam kehidupan.
Tema: Anak Luar Nikah
Theme: Child Out of Wedlock
- Contoh Karangan Naratif 6 27
Narative Writing Example 6
Tulis sebuah cerita mengenai suatu harapan yang berakhir dengan kekecewaan.
Tema: Langgar Lari
Theme: Hit & Run
- Contoh Karangan Naratif 7 33
Narative Writing Example 7
Tulis sebuah cerita yang berakhir dengan suatu kejutan yang meninggalkan kenangan manis.
Tema: Hubungan Kekeluargaan
Theme: Family Ties
- Contoh Karangan Naratif 8 39
Narative Writing Example 8
Tuliskan sebuah cerita yang mengandung nilai perikemanusiaan.
Tema: Tanggung Jawab Ibu Bapa
Theme: Parental Responsibilities
- Contoh Karangan Naratif 9 44
Narative Writing Example 9
Tulis sebuah kisah di mana seseorang itu mendapat balasan yang setimpal atas perbuatannya.
Tema: Pembantu Rumah
Theme: Domestic Helper

Tulis sebuah cerita mengenai kasih yang tidak kesampaian.

Tema: Cinta Terlarang

Theme: Forbidden Love

Penolakan:

Disclaimer:

Tidak semua soalan di atas adalah dari kertas peperiksaan peringkat O yang lalu. Namun, soalan-soalan ini dipilih kerana ia memenuhi spesifikasi soalan peringkat O.

Not all the questions above are from the past O level examination papers. However, these questions are chosen because they fulfill the specifications of O level question.

Tema: Jenayah Antarabangsa | Theme: International Crime

Tuliskan sebuah cerita yang mengisahkan tentang perasaan buruk sangka yang akhirnya membawa padah.

Introduction

- Conflict
- Short Dialog
- Suspense Elements

“Tidak mungkin! Dia telah berjanji akan menjemput saya daripada lapangan terbang Narita! [PERSON]”

“Cuba bawa bertenang, Puan.”

“Tidak mungkin dia mungkir janji! Orangnya berakhlak mulia!”

“Daripada pengawasan kami memang tiada orang yang mirip lelaki yang Puan ceritakan di dewan ketibaan. Walau apapun, kami akan bawa puan ke bilik khas untuk disoal-siasat selanjutnya. Puan boleh berikan penjelasan terperinci di bilik itu nanti.”

“Saya tidak bersalah! Apa yang kamu jumpa bukan milik saya. [OBJECT]”

“Sila ikut saya, Puan”

“Tidak!”

Pergelutan¹ berlaku. Pegawai imigresen Jepun itu **sekilas**² dibantu oleh dua orang teman sekerjanya. Wanita Melayu yang cuba mempertahankan dirinya terus berteriak dan cuba menghalang mereka daripada mengheretnya pergi. Di **benak**³ fikiran wanita itu, dia percaya saat itu bermulalah detik hitam yang akan **memalapkan**⁴ terus kehidupannya. [INCIDENT]

The Main

Developing Sarah

- Action

Sarah tidak pernah bayangkan yang tuah akhirnya menyebelahi dirinya. Dilahirkan dengan kaki kirinya sepuluh sentimeter lebih pendek daripada kaki kanannya, Sarah terpaksa bergerak seperti seorang tempang sejak dia mula belajar berjalan. Di sekolah dia sering menjadi bahan ketawa teman-temannya yang kurang prihatin tentang perasaannya. [Action 1] Dia sering salahkan ibunya yang juga dilahirkan cacat sepertinya. Sering kali tangan ayah berbekas merah pada pipinya apabila mulutnya **celupar**⁵ menyalahkan takdir kerana mempunyai seorang ibu yang tempang. [Action 2] Walaupun cuba dipujuk oleh teman karibnya supaya redha dengan ketentuan Tuhan, Sarah

- Connecting to the Question
Explicit messages
Open-ended ending
mahkamah Jepun dalam masa seminggu untuk dibicara. Jika didapati bersalah, dia boleh dikenakan hukuman penjara selama 20 tahun. **Dengus**²¹ seorang pembaca tua menyentak suasana santai di sebuah kedai gunting rambut. [Start explicit messages] Dia harian bagaimana mangsa boleh mudah diperdaya. Mana ada orang dalam dunia ini yang sanggup memberikan wang secara percuma untuk kita pergi bercuti. Pastinya ada sesuatu muslihat. Lagipun mangsa bukannya yang pertama tetapi orang keempat. Kenapa pengalaman mangsa-mangsa yang awal tidak dijadikan **sandaran**²²? Tidak adakah kenalan yang memberikan nasihat? Ini agaknya kes tidak dengar nasihat, atau lebih buruk lagi, bila dinasihati dia sangka buruk pula dengan orang yang menasihatinya. Inilah padahnya badan. [End explicit messages] Pelanggan-pelanggan kedai gunting itu mengangguk-anggukkan kepala mereka tanda setuju, seolah-olah mereka dapat membaca isi hati pembaca tua itu.

Kosa Kata: Vocabulary

- | | |
|---|---|
| <p>1. pergelutan
perbuatan menekan ke bawah: <i>scuffle</i></p> <p>2. sekilas
dalam masa yang singkat; <i>fleeting</i></p> <p>3. benak
otak: <i>skull</i></p> <p>4. memalapkan
tidak terang: <i>dim</i></p> <p>5. celupar
keterlaluan: <i>out of order</i></p> <p>6. pasrah
menyerah: <i>accepting</i></p> <p>7. berdalih
mencari alasan: <i>to find excuse to hide the truth</i></p> <p>8. menagih
menuntut: <i>hound</i></p> <p>9. melamar
meminta untuk berkahwin dengan: <i>propose</i></p> <p>10. terpingga-pingga
tercengang-cengan kerana hairan: <i>bewilder</i></p> <p>11. perangkap
sesuatu untuk menangkap: <i>trap</i></p> | <p>12. muslihat
tipu daya: <i>trick</i></p> <p>13. penyeludupan
usaha membawa sesuatu tanpa dikesan: <i>smuggling</i></p> <p>14. licik
pandai menipu: <i>slick</i></p> <p>15. modus
cara melakukan sesuatu: <i>approach</i></p> <p>16. dilabuhkan
diletakkan: <i>to place</i></p> <p>17. berpusat
bertumpu: <i>to become focus</i></p> <p>18. was-was
serba-salah: <i>dilemma</i></p> <p>19. segenap
seluruh: <i>whole (everyone)</i></p> <p>20. mengaburi
tidak mudah dikesan: <i>to cause difficulty to track</i></p> <p>21. dengus
bunyi hembusan nafas yang kuat: <i>grunt</i></p> <p>22. sandaran
pelajaran: <i>leaning example</i></p> |
|---|---|

Tema: Buli | Theme: Bullying

Tulis sebuah cerita tentang kejadian yang membuat kamu ingin membela nasib orang yang teraniaya.

Introduction

- Conflict
- Short Dialog
- Suspense Elements

“Kau zalim, Yazid! Zalim!”

“Sudah! Jangan kau ulangi lagi perkataan itu! Tolong aku cari budak berdebah itu! [PERSON] Pihak polis sedang mencari aku di sekolah.” [INCIDENT]

“Apa yang telah dia buat terhadap engkau Yazid sehingga kau sanggup memperlakukannya seperti itu sekali? Kau sanggup malukannya! Kau zalim!”

“Apa maksud engkau? Aku tidak bersalah! Aku tiada kaitan dengan apa yang engkau maksudkan!”

“Kalau lah benar kata-kata engkau, kenapa dalam telefon bimbit engkau mengandungi ini semua!” [OBJECT]

Wajah Yazid menjadi pucat apabila ditunjukkan skrin telefon bimbitnya.

“Pulangkannya kembali! Rupanya engkau yang mencuri telefon bimbit aku! Pulangkan!”

The Main

Developing Arfan

- Action

Kali pertama Arfan melangkahkan kakinya ke Sekolah Menengah Springbook, hatinya menjadi kecut. Manakan tidak, sekolah itu terkenal di kalangan para ibu bapa akan masalah disiplin para pelajarinya. Oleh kerana Arfan gagal dalam subjek matematik sewaktu peperiksaan PSLE, dia telah dimasukkan ke dalam aliran normal teknikal. [Action 1] Arfan mengambil masa yang lama untuk memahami sesuatu pelajaran kerana pertumbuhan otaknya terjejas akibat dilahirkan tiga bulan lebih awal. Ibunya melahirkannya tidak cukup bulan setelah mengalami kecederaan pada perutnya apabila disepak terajang oleh ayahnya, seorang penagih dadah. Kini ayahnya masih meringkuk¹ di dalam penjara sedangkan ibunya meninggal tiga hari setelah melahirkannya akibat pertumpahan darah yang banyak. Nasibnya dibela oleh mak ciknya, seorang ibu tunggal yang mempunyai lima orang anak kecil. Suaminya mati dalam

Kosa Kata: *Vocabulary*

1. **meringkuk**

terkurung (dalam penjara): *locked up (in prison)*

2. **berbekalkan**

mempunyai sesuatu untuk digunakan:
to be armed with

3. **memencilkan**

menjauhkan diri: *to isolate*

4. **dianiaya**

menzalimi (seseorang): *to victimized (someone)*

5. **ditoreh**

membuat garisan (pada sesuatu)
dengan pisau: *to cut into*

Tema: Pengaruh Negatif Internet | Theme: Internet Negative Influence

Tulis sebuah cerita yang berakhir dengan sesuatu yang tidak diduga.

Introduction

- Conflict
- Short Dialog
- Suspense Elements

“Astagfirullah Afiq! Apa yang sudah berlaku ini!”

“Mak! Jangan sentuh! Tolong mak! Bahaya! [INCIDENT]”

Detikan jam bermula.

“Ini yang kau belajar berjam-jam dari Internet? [OBJECT]

Sekarang baru mak faham kenapa asyik ada orang yang memerhatikan rumah kita! Mereka rupanya sedang mengawasi gerak-langkah kamu! [PERSON]”

Sunyi. Hanya kedengaran bunyi detikan jam semakin kuat.

“Apa itu?”

“Mak!”

“Afiq!”

Detuman kuat. Segala yang diam berkecai dan berterbangan sebelum kembali menyembah bumi. Suasana menjadi sunyi kembali. Gelap **menyusul**¹.

The Main

Developing Puan Umairah

- Action

[Action 1] Sejak suaminya meninggal dunia akibat kemalangan jalan-raya lima tahun lepas, Puan Umairah tidak berkahwin lagi. [Action 2] Dia hanya tumpukan seluruh usahanya membesarkan Afiq dengan sesempurna cara yang dia tahu. Afiq adalah satu-satu anaknya. Dia tidak mahu Afiq menjadi mangsa bapa tiri jika dia berkahwin lagi. Dia sedar sayangnya seorang bapa tiri tidak sama dengan sayangnya seorang bapa kandung. [Action 2] Biarlah dia menjadi ibu dan ayah bagi Afiq.

- Dialog

“Sudahlah Umairah, gajikau itu bukannya banyak. Berbulan lamanya engkau perlu simpan duit sebelum kau dapat beli komputer itu. Komputer yang baik bukannya murah” nasihat lelaki tua itu masih lagi bermain dalam kelopak telinga Puan Umairah.

“Tak apalah ayah. Umairah anggap ini salah satu pengorbanan Umairah untuk Afiq. Sekolah memang memerlukan pelajarinya

- Conflict Resolution akan berlangsung dalam masa lima belas minit lagi. Kes ini merupakan yang pertama di negara ini. Ia pasti akan menggegarkan masyarakat setempat. Manakan tidak, siapa sangka kejadian seperti ini boleh berlaku, lebih-lebih lagi dengan profil mangsa, seorang ibu tunggal dengan anaknya yang masih di sekolah rendah. Komander Polis sedar profil kedua-dua mangsa letupan itu penting untuk pihaknya mengemas kini strategi **pencegahan**⁵ agar kejadian serupa tidak berulang lagi pada masa akan datang. [Start explicit messages] Masyarakat harus disedarkan tentang bahaya pengaruh negatif Internet. Strategi pencegahan harus berperanan untuk menggalakkan ibu bapa memainkan peranan aktif memantau kegiatan anak mereka di Internet. Ibu tunggal bukan sahaja perlu dibantu dari segi kewangan tetapi juga diberi pertolongan dalam mendidik dan membesarkan anak-anak mereka. [End of explicit messages] Komander Polis menghela nafas yang panjang. Dia melangkah dengan berani ke bilik mesyuarat untuk berhadapan dengan pemberita yang tidak sabar dengan **sajian**⁶ berita terkini tentang kes itu.
- Fly on a Wall
 - Connecting to the Question
- Explicit messages*
- Open-ended ending*

Kosa Kata: <i>Vocabulary</i>	
<p>1. menyusul datang kemudian: <i>to come after</i></p> <p>2. pemantauan pengawasan: <i>inspection</i></p> <p>3. berlegar-legar berputar: <i>to go around in circle</i></p>	<p>4. sulit rahsia: <i>confidential</i></p> <p>5. pencegahan perbuatan menghalang sesuatu daripada berlaku: <i>preventive action</i></p> <p>6. sajian hidangan: <i>servings</i></p>

Tema: Hubungan Guru & Pelajar | Theme: Teacher & Student Relationship

Tulis sebuah cerita tentang bagaimana nasihat yang diberikan diabaikan pada saat nasihat tersebut amat diperlukan.

Introduction

- Conflict
- Short Dialog
- Suspense Elements

“Apa yang tuan cakap ini? Takkan lah saya hendak lakukan perbuatan yang tidak bermoral itu! [INCIDENT]”

“Cikgu jangan nak berdalih lagi! Adakah cikgu menuduh Dahlia mengada-adakan cerita? [PERSON] Tidak saya sangka, harapkan pagar, pagar yang makan padi!”

“Dahlia memang berdendam dengan saya. Ini semua fitnah semata!”

“Ingat cikgu! Saya tidak akan berdiam diri! Saya ada bukti untuk mengheret cikgu ke muka pengadilan! [OBJECT] Kita jumpa di balai polis nanti!”

The Main

Developing Cikgu Hafiz

- Action

Sejak Cikgu Hafiz mula mengajar awal tahun itu, pelajar-pelajar kelas bahasa Melayu lebih bersemangat untuk belajar. [Action 1] Manakan tidak, Cikgu Hafiz melayani pelajar-pelajarnya seperti kawan. Caranya yang bersahaja dan terbuka menyebabkan pelajar-pelajarnya berasa sangat selesa bila berdepan dengannya. [Action 2] Malah, Cikgu Hafiz tidak keberatan untuk berjumpa dengan pelajar-pelajarnya secara kumpulan, ataupun seorang diri, di luar waktu sekolah. Adakalanya pertemuan mereka berlangsung pada waktu malam di restoran makanan segera berdekatan dengan sekolah, ataupun di bilik sembang lelamam sosial *Facebook*. Biasanya pertemuan itu berkaitan dengan pelajaran, tetapi ada banyak ketika juga Cikgu Hafiz bertindak sebagai kawan, menasihati pelajar-pelajarnya mengenai masalah keluarga dan peribadi mereka. [Action 3] Bagi Cikgu Hafiz biarlah dia menjadi guru dan kawan baik bagi pelajar-pelajarnya. Menurutnya, **pendekatan**¹ begini akan **menyemarakkan**² semangat mereka untuk belajar bersungguh-sungguh.

- Dialog

“Niat kau itu memang baik, Hafiz. Akan tetapi, kau perlu berjaga-jaga sedikit. Cara kau itu kontroversial. Tidak pernah dilakukan oleh mana-mana guru di sekolah ini pun.” Kata-kata Cikgu

kerjayanya sebagai seorang guru yang berdedikasi. [End of explicit messages]

Kosa Kata: *Vocabulary*

1. **pendekatan**

cara: *approach*

2. **menyemarakkan**

menjadikan lebih besar: *to increase intensity*

3. **bocorkan**

memecahkan: *expose*

4. **kelibat**

rupa sesuatu yang kelihatan sepintas lalu: *something that is observed momentarily*

5. **berderau**

tersentak (perasaan): *(heart) stands still*

6. **kecurigaan**

syak wasangka: *lacking trust*

7. **direntap**

menarik (sesuatu) dengan cepat: *to snatch (something)*

8. **liputan**

laporan tentang sesuatu peristiwa yang sedang berlaku: *coverage*

Tema: Anak Luar Nikah | Theme: Child Out of Wedlock

Tulis sebuah cerita mengenai suatu peristiwa yang menunjukkan bahawa kejujuran merupakan amalan yang sebaik-baiknya dalam kehidupan.

Introduction

- Conflict
- Short Dialog
- Suspense Elements

“Sumpah, Fazlee! Natasha tak tahu pun tentang peristiwa itu! Percaya lah! [INCIDENT]”

“Aku malu, Natasha! Ustaz Anuar pun telah akui yang kemungkinan besar peristiwa itu telah berlaku. [PERSON] Keluarga aku malu! Sekarang semua orang cakap pasal kita!”

“Ayah dan ibu Natasha memang salah. Tapi apa jalan keluar terbaik bagi kita sekarang, Fazlee?”

“Aku buntu. Hakikatnya, akibat ketidakjujuran mereka ikatan kita tidak sah. [OBJECT] Kita telah berdosa Natasha! Biar kita pergi sahaja ke mahkamah esok. Kita . . .”

“Apa! Fazlee nak . . . Fazlee! Fazlee . . .”

Gengaman Natasha pada kedua belah lengan Fazlee menjadi lemah. Tak semena-mena seluruh isi mee rebus santapan¹ tengahari dihembuskan tepat pada baju kemeja biru Fazlee. Natasha terus jatuh tidak sedarkan diri.

“Natasha! Natasha!”

The Main

Developing Natasha

- Action

Natasha tidak sabar menghitung hari. Hari pernikahannya dengan Fazlee semakin dekat. [Action 1] Natasha bersyukur usahanya untuk menyakinkan keluarganya untuk menerima Fazlee tidak mendapat tentangan langsung. Bagi Natasha restu keluarga penting. Memang Fazlee tidak datang daripada keluarga alim seperti Ustaz Firdaus. [Action 2] Namun, Fazlee mahu juga berjinak-jinak dengan agama berkat nasihat Natasha. Menurut Natasha, seorang suami haruslah beragama supaya boleh memimpin isteri dan keluarga. [Action 3] Walaupun, Natasha hairan mengapa keluarganya menolak lamaran Ustaz Firdaus, dia tidak pernah cuba untuk bertanya keluarganya kenapa. Keputusan kedua orang tuanya disanjung tinggi dan tidak terlintas dalam fikirannya membantah dan menyoal keputusan

- Connecting to the Question

Explicit messages

Open-ended ending

jururawat tersebut ini mungkin kes bayi yang bakal dilahirkan adalah anak luar nikah. Perkara ini memang lumrah sekarang. Perbualan pasangan tersebut dengan keluarga pihak suami yang sempat dicuri dengar oleh jururawat itu mengesahkan tekaannya. Yang memeranjatkannya ialah kes pasangan itu unik. Bayi itu anak luar nikah kerana perbuatan tidak jujur keluarga pihak si isteri. Sedih jururawat itu mengenang nasib pasangan itu dan anak mereka. [Start explicit messages] Akibat ketidakjujuran seseorang boleh mendatangkan kesusahan kepada generasi akan datang yang tidak berdosa. Timbul dalam fikirannya berapa ramai lagi mereka yang mengalami nasib yang sama seperti pasangan itu. Lebih memeranjatkan lagi, berapa ramai yang masih tidak tahu akan kedudukan perkara apabila rahsia keluarga mereka masih belum **terbongkar**⁹. Jika ini hal sebenarnya, berapa ramai anak luar nikah yang ada dalam masyarakat sekarang. Oleh itu kejujuran merupakan amalan yang sebaik-baiknya dalam kehidupan. [End explicit messages]

Kosa Kata: Vocabulary

1. **santapan**

makanan: *food*

2. **bala**

bencana: *calamity*

3. **menonjol**

jelas kelihatan: *discernible*

4. **tidak keruan**

keadaan tidak tentu arah: *distraught*

5. **lumrah**

biasa berlaku: *common*

6. **zina**

bersetubuh tanpa nikah: *fornication*

7. **wali**

orang yang boleh menikahkan seorang perempuan (seperti bapa, datuk, abang, bapa saudara, sepupu laki-laki): *male guardian who has the jurisdiction (in Islam) to marry off a woman*

8. **berkecamuk**

kucar-kacir: *confused*

9. **terbongkar**

diketahui: *become known*

Tema: Langgar Lari | Theme: Hit & Run

Tulis sebuah cerita mengenai suatu harapan yang berakhir dengan kekecewaan.

Introduction

- Conflict
- Short Dialog
- Suspense Elements

“Jangan risau engkau katakan!”

“Sudah lah mak. Amin baru pulang. Amin penat. Amin hendak rehat.”

“Polis datang Amin! Mana boleh emak tidak risau! **Apa kesalahan yang telah engkau lakukan?** [INCIDENT]”

“Bertenang lah emak. Ini mesti satu kesilapan. Esok Amin akan telefon pegawai itu untuk mendapatkan kepastian.”

“Engkau tidak berterus terang dengan emak. Minggu lepas bahagian depan kereta engkau bercalar dan kemek. **Lepas itu engkau terima surat merah daripada pihak hospital yang engkau cuba sembunyikan daripada pengetahuan emak isi kandungannya.** [OBJECT] Kalau itu semua belum cukup lagi, sudah beberapa malam emak lihat engkau asyik mengigau menyebut nama seorang perempuan yang tidak jelas siapa. [PERSON] Apa maksudnya semua ini?”

“Bimbang emak itu tidak bertempat. Emak tidak perlu risau.”

“Lagi-lagi jangan risau engkau katakan! Emak telah **cagarkan**¹ rumah kita untuk mendapatkan pinjaman bagi engkau belajar ke luar negara. Kalau engkau dibuang kerja, rumah ini akan **ditarik**² oleh pihak bank, Amin. Mana kita hendak tinggal nanti! Ingat, engkau satu-satunya harapan emak!”

Amin tunduk sayu. Dia tidak sanggup bertentang mata dengan ibunya yang telah banyak berkorban untuknya setelah ayah meninggal dunia kerana penyakit barah sewaktu dia di menengah satu. Dengan perlahan dia menuju ke arah biliknya. Di **lubuk**³ hatinya dia pasti yang dia tidak akan mampu menghalang takdir daripada menjalankan apa yang telah ditetapkan oleh Tuhan.

The Main

Sejak kecil lagi Amin adalah seorang anak yang baik dan tekun dalam pelajarannya. [Action 1] Tidak pernah seketika pun dia perlu

temannya sewaktu menjalani perkhidmatan negara bersama tiga puluh tahun dahulu. Dibaca terus laporan akhbar itu dengan teliti. Ada saksi yang sempat mencatatkan nombor plat kereta yang melanggar mangsa pada lewat malam sedang mangsa menunggu teksi. Nombor plat itu adalah nombor plat kereta doktor berkenaan. Kereta doktor itu juga mempunyai bekas calar dan kemek pada bahagian depan kiri. Menurut akhbar, doktor itu sebenarnya memandu dalam keletihan setelah seharian bekerja dan pada malamnya pula menghadiri pesta hujung minggu anjuran teman sekerjanya. Dia kenal akan keluarga doktor itu. Hatinya **berbetik**⁷. Kasihan Puan Rosnani yang menaruh harapan menggunung agar anaknya membawa kebahagiaan ke dalam kehidupannya tetapi terpaksa **dibelenggu**⁸ dengan kekecewaan yang datang tanpa diundang. Kasihan Amin yang bersungguh-sungguh menaruh harapan dapat membalas pengorbanan ibunya ditimpa kekecewaan yang telah ditetapkan takdir. Lebih memilukan adalah harapan anak mangsa yang mengharapakan nasibnya dapat dibela setelah kematian ayah didatangi pula oleh kekecewaan apabila ibunya pula dijemput Ilahi. [Start of explicit message] Malang memang tidak berbau. **Kelekaan**⁹ yang sedikit boleh membawa kepada kesilapan besar sehingga menjejaskan kehidupan orang-orang yang tidak berdosa. Sebaik-baik bekal adalah sikap berhati-hati dan doa yang sering dipanjatkan ke hadapan Ilahi agar dijauhkan daripada sebarang musibah dan kerugian. [End of explicit message]

Kosa Kata: Vocabulary

1. **cagarkan**

menggunakan (sesuatu) sebagai jaminan untuk berhutang: *to pledge (something) as a security for payment of a loan*

2. **ditarik**

diambil: *to recover*

3. **lubuk**

dalam ruang: *space*

4. **pundak**

bahu: *shoulder*

5. **berbaloi**

balasan yang seimbang dengan usaha yang dilakukan: *worthwhile*

6. **desas-desus**

suara orang berbisik-bisik: *whisper*

7. **berbetik**

terjejas (oleh sesuatu): *to be affected*

8. **dibelenggu**

diikat: *to be shackled*

9. **kelekaan**

tidak berhati-hati: *heedlessness*

Tema: Hubungan Kekeluargaan | Theme: Family Ties

Tulis sebuah cerita yang berakhir dengan suatu kejutan yang meninggalkan kenangan manis.

Introduction

- Conflict
- Short Dialog
- Suspense Elements

“Kau harus cepat-cepat lihat pesakit ini! **Aku yakin dia lah yang selama ini engkau cari!** [PERSON]”

“Sudah lah. Orang yang aku cari sudah pun mati. **Engkau sendiri lihat petikan akhbar itu bersama aku dahulu.** [INCIDENT] Engkau sudah lupa?”

“Tapi Ain . . . **Segala perkara mengenai pesakit ini tidak mungkin diada-adakan, lebih-lebih lagi tanda besar yang engkau beritahu aku dahulu.** [OBJECT]”

Marissa berhenti daripada menolak troli yang penuh diisi dengan fail para pesakit. Seakan-akan tidak percaya dia apa yang didengarnya.

“Dia sakit apa?”

“Barah paru-paru tahap akhir. Doktor kata dia tidak ada lebih daripada sebulan untuk hidup.”

Marissa **terpaku**¹; **kelu**² lidahnya untuk mengeluarkan kata-kata.

The Main

Developing Mahmud

- Action

Kali terakhir Mahmud melihat cahaya matanya adalah lewat gambar yang dikirim oleh bekas isterinya melalui pos. Wanita yang dikenalnya sejak di bangku sekolah itu hampir-hampir tidak mampu dikahwininya jika tidak kerana cintanya yang mendalam terhadap Mahmud. Dari awal lagi ikatan pertunangan mereka **diselubungi**³ dengan penuh **ranjau**⁴ dan dugaan yang datangnya daripada bakal ibu mertuanya. Hantaran serba satu sebanyak dua puluh lima ribu dollar diminta dengan majlis kahwin seramai lima ribu orang harus dijemput. Pernikahan bakal dilangsungkan dalam masa setahun. Kalau tidak dapat penuhi syarat-syarat yang diberikan, pertunangan akan dibatalkan ugut bakal ibu mertuanya. [Action 1] Mahmud **cekal**⁵ dengan permintaannya. Walaupun dinasihati oleh ibunya untuk mencari wanita lain sebagai isteri, Mahmud menjadikan syarat-syarat tersebut sebagai cabaran. Namun, jauh di lubuk hatinya rasa

Conclusion

Conflict Resolution

- Fly on a Wall
- Connecting to the Question

Implicit messages

Open-ended ending

menimbulkan banyak kekeliruan bagi mereka yang mengenali dirinya.

Hari ini genap dua bulan penuh pesakit lelaki itu menetap di hospital, sepurnama lebih daripada jangkaan doktor yang mengatakan dia hanya ada sebulan untuk hidup. Keshatannya semakin mantap dan bertambah baik. Badannya memberikan tindak balas yang positif terhadap rawatan dan perubatan yang diberikan oleh kakitangan hospital. Ramai jururawat akui bahawa pertemuan dengan anaknya, yang juga merupakan seorang jururawat di hospital itu, telah menjadi titik tolak dia mula bersemangat untuk terus hidup. Memang pertemuan itu merupakan suatu kejutan besar bagi kedua-dua ayah dan anak. Manakan tidak. Bagi si ayah, dia tidak sangka penantiannya untuk berjumpa kembali dengan anaknya menjadi kenyataan manis. Kehadirannya kini disambut bukan sahaja oleh anaknya, malah dia juga boleh berbangga mempunyai seorang menantu dan dua orang cucu yang baru dikenalnya. Bagi si anak, kejutan ini meninggalkan kenangan manis baginya kerana akhirnya berjaya dipertemukan dengan ayahnya apabila dia sudah pasrah tidak akan bertemu dengan ayahnya lagi. Hatinya menjadi lebih gembira apabila kesihatan ayahnya bertambah baik dan dia boleh izinkan untuk pulang tidak lama lagi. Dia bertekad untuk menjaga ayahnya dengan baik selagi nyawanya masih dikandung badan.

Kosa Kata: Vocabulary

1. **terpaku**

dalam keadaan tidak bergerak-gerak:
transfix

2. **kelu**

tidak dapat berkata-kata (kerana terkejut): *tongue-tied (because of shock)*

3. **diselubungi**

dibaluti: *to be shrouded*

4. **ranjau**

kesusahan: *difficulty*

5. **cekal**

tabah: *resolute*

6. **mengarap**

mengumpulkan: *to garner*

7. **diketepikan**

disisihkan: *to set aside*

8. **menokok**

menambah: *to add*

9. **didamba-dambakan**

terlalu ingin akan sesuatu: *to have longing for something*

10. **menjelma**

muncul: *to appear*

11. **nazak**

keadaan orang yang hampir akan mati:
dying

12. **talkin**

bimbingan mengucapkan kalimah syahadah yang dibisikkan pada telinga seseorang muslim yang edang menghadapi saat kematian: *a guide for someone dying (a muslim) to say the kalimah*

13. **disorok**

disembunyikan: *to hide*

14. **terjojol**

menonjol keluar: *protruding*

15. **gebu**

penuh berisi serta licin dan halus kulitnya: *fluffy*

16. **menyayat**

menyedihkan: *heart-rending*

17. **gaung**

jurang yang dalam: *gorge*

18. **tersengih**

tersenyum-senyum dengan terbuka mulut menampakkan gigi sedikit: *grin*

19. **susulan**

sesuatu yang datang kemudian:
follow-up

Tema: Tanggung Jawab Ibu Bapa | Theme: Parental Responsibilities

Tuliskan sebuah cerita yang mengandungi nilai perikemanusiaan.

Introduction

- Conflict
- Short Dialog
- Suspense Elements

“Nama itu satu doa. Doa ibu dan ayah untuk anaknya.”

“Cukup Nek Som!”

“Apa yang kau harapkan bila kau namakan dia dengan nama sial itu? [OBJECT]”

“Sudah lah Nek Som! Kami tahu kami berdosa!”

“Dia deman panas lepas itu. Tak pernah aku lihat budak baru lahir demam sepanas itu. Seolah-olah murka Tuhan terhadap kau berdua **tempias**¹ kepadanya. Kasihan dia. Dia terpaksa menjadi mangsa. [INCIDENT]”

“Cukup mak! Kami bertaubat. Kami nak **tebus**² dosa kami. Di mana kuburnya?”

Nenek tunduk ke lantai. Dipejam erat matanya agar titisan kehibaan tidak jatuh ke lantai, menjadi tatapan tetamu yang tidak diundang itu. [PERSON] Di mana kuburnya? Dia tak sanggup menjawab pertanyaan itu?

The Main

Developing Ajis

- Action

Siapa yang tidak kenal Ajis. Pemuda yang berpakaian kemas itu, ironinya, dipandang **jjik**³ oleh setiap ketua keluarga di estet perumahannya di Jalan Chekor. Tiada seorang anak yang tidak diingatkan oleh orang tua mereka agar jangan jadi seperti Ajis. Manakan tidak? Sejak mula-mula Ajis pindah di estet perumahan itu bersama isteri yang baru dinikahnya, pengaruhnya segera dapat dirasakan. Bilangan pemuda yang berkunjung ke masjid semakin berkurangan. Tumpuan mereka hanya pada Ajis. Kalau mereka tidak berkumpul di rumahnya, mereka akan berlepak di kolong blok berdekatan. Masa dan tenaga muda mereka habiskan dalam keadaan khayal dengan menghisap ganja. Tiada siapa pun yang kenal asal usul Ajis dan isterinya. Ini kerana pada sebelah siang, rumahnya sunyi seperti tidak didiami orang. Bila malam menjelma, rumahnya tidak putus dengan pengunjung hingga beberapa ketika sebelum subuh.

Kosa Kata: Vocabulary

1. **tempias**

mendapat bencana akibat perbuatan buruk orang lain: *to receive retribution over someone else's wrong doing*

2. **tebus**

membuat kebajikan untuk menghapuskan dosa yang telah dilakukan: *to carry out good deeds to make amend for sins*

3. **jijik**

berasa tidak suka melihat sesuatu kerana kotor atau keji: *disgusting*

4. **keramaian**

perayaan: *celebration*

5. **laknat**

kemurkaan: *wrath*

6. **cengkaman**

kekuasaan: *clutches*

7. **reda**

mula berkurang: *to subside*

8. **pembuluh**

arteri (saluran darah): *artery (blood vessel)*

9. **perikemanusiaan**

sifat-sifat yang wajar bagi manusia (seperti bertimbang rasa, tolong-menolong, mengasihani dan sebagainya): *humane qualities (like kindness, consideration and the likes)*

10. **iqamat**

seruan terakhir untuk mendirikan sembahyang (selepas azan): *a call for prayer after the azan*

11. **menyuburkan**

memupuk: *cultivate*

Tema: Pembantu Rumah | Theme: Domestic Helper

Tulis sebuah kisah di mana seseorang itu mendapat balasan yang setimpal atas perbuatannya.

Introduction

- Conflict
- Short dialog
- Suspense Elements

“Apa yang puan letakkan dalam masakan ini?”

“Sedap? Pasti sedapkan?”

“Tapi apa ada dalam masakan ini?”

“**Sesuatu yang tidak pernah engkau rasa.** [OBJECT] Selepas ini engkau pasti akan lupa semua hafalan al Quran engkau!”

“Puan!”

“Ya! Engkau juga akan tinggalkan sembahyang! Biar puas hati aku!”

Keadaan sekeliling tiba-tiba menjadi gelap bagi Rabiah. Kata-kata Puan Betty seolah-olah bagai arus besar yang menenggelamkan daya fikirannya. Rabiah tidak berdaya memberontak, menghalang dirinya daripada disedut ke dalam lubang kekeliruan. Rabiah jatuh dari tempat duduknya. **Senyuman puas terukir pada wajah Puan Betty.**

[INCIDENT]

“**Sekarang Rabiah, jangan engkau nak suka-suka buat sesuka hati engkau terhadap mereka!** [PERSON]”

The Main

Developing Rabiah

- Action

Rabiah meneruskan langkahnya ke pesawat. [Action 1] Kalau diikutkan hati ingin sahaja dia membatalkan niatnya untuk ke Singapura mencari pekerjaan sebagai seorang pembantu rumah. Dia tidak sanggup melihat ibu dan ayahnya yang sudah tua keseorangan tanpa pengawasannya. Tetapi dia terpaksa meninggalkan mereka kerana dia adalah satu-satunya anak mereka dan menjadi tanggung jawabnya untuk membiayai kehidupan mereka dengan sempurna. Hanya **ihsan**¹ jiran tetangga yang dapat dia harapkan untuk menjaga mereka selama dia tiada. [Action 2] Dia tidak boleh bergantung kepada jasa baik bekas suaminya untuk menjenguk mereka sekali-sekala. Dia tidak mahu menyusahkan hidup bekas suaminya dengan keluarganya yang baru. Dia tidak menyalahkan suaminya kerana

memastikan apa yang telah dia diperlakukan oleh majikannya. Namun, dia bertekad untuk mendapatkan kerjasama daripada pembantu rumah itu agar dapat menyelesaikan siasatan awal kebakaran itu sebelum sidang akhbar nanti.

Kosa Kata: Vocabulary	
1. ihsan perbuatan yang baik: <i>good deeds</i>	5. penampilan penonjolan: <i>appearance</i>
2. zuriat anak: <i>offspring</i>	6. disenarai hitam dikenal pasti sebagai kalangan orang-orang yang melakukan kesalahan: <i>to be blacklisted</i>
3. anak santri pelajar di pondok pasentren (madrasah) di Indonesia: <i>student from an Islamic boarding school in Indonesia</i>	7. karenah tingkah laku: <i>behaviour</i>
4. dipadankan disatukan sesuatu yang menjadi persamaan bagi sesuatu yang lain: <i>to match</i>	8. sinis bersifat mengejek: <i>mocking</i>

Tema: Cinta Terlarang | Theme: Forbidden Love

Tulis sebuah cerita mengenai kasih yang tidak kesampaian.

Introduction

- Conflict
- Short and quick dialog

“Percaya lah!”

“Tidak mungkin! Mustahil! Laporan itu dusta! [OBJECT]”

“Ini **hakikat**¹ yang sebenar!”

“Tidak!”

“Hisyam adalah Rima dan Rima adalah Hisyam!”

“Ya! Kita dicipta untuk bersama!”

“Tidak Rima! Tuhan tidak ciptakan kita untuk bersama. **Ini** dugaan kita. [INCIDENT]”

“Rima benci orang tua itu! **Dia tak adil!** [PERSON]”

“Ini ketentuannya, Rima. Kita harus menerimanya”

Aku merobek laporan itu dari gengaman Hisyam. Bunyi koyakan kertas itu seakan-akan bunyi robekan harapanku yang mengunung untuk bersama Hisyam. Kini segala-galanya telah hancur. Aku lari meninggalkan Hisyam. Hanya tangisan pilu mengiringku yang aku harap dapat mengubati hatiku yang luka.

The Main

Developing Rima

- Action

Pertama kali aku melihat Hisyam, aku bagai tidak percaya. Memang benar apa yang dikatakan oleh teman-teman sekolahku. Aku dan Hisyam, pelajar yang baru seminggu belajar di sekolahku, **salin tidak tumpah**². [Action 1] Namun, tidak pernah tergerak dalam hatiku untuk menyiasat latar belakang Hisyam untuk mengetahui kenapa kami berdua serupa. Aku lebih tertarik untuk berkenalan dengan Hisyam. [Action 2] Sikap ramahku menyebabkan Hisyam mudah rasa selesa. Pada awalnya Hisyam memang lah pelajar pendiam dan bermasalah, tetapi perhatian yang diberikanku kepadanya menyebabkan dia menjadi lebih terbuka dan ceria. Aku gembira melihat perubahan positif pada diri Hisyam. [Action 3] Hubungan yang baru **berputik**³ membuka jalan menjadikan kami berdua lebih dekat, lebih-lebih lagi apabila aku mempelajari yang Hisyam juga berkongsi minat dan tabiat yang sama denganku. Bagiku, kehadiran Hisyam

lebih **runcing**⁷.

Conclusion

Conflict Resolution

- Fly on a Wall
- Connecting to the Question

Explicit messages

Open-ended ending

Laporan makmal dicapai dengan pantas dari tangan jururawat bertugas. Mata si gadis bergerak pantas mencari ruang yang tertera hasil ujian darah. Positif. Memang si gadis dan teman lelaki yang mengiringinya mempunyai pertalian darah. Ini adalah laporan kedua dari hospital yang berlainan. Si gadis inginkan kepastian, risau jika laporan makmal pertama silap. Kini dia sedar memang tiada kesilapan. Dia bertekad untuk menerima kenyataan. Apa yang sudah berlalu dijadikan pelajaran. [Start explicit messages] Dia kesal sikap tidak jujur seorang kaki perempuan dalam melayari bahtera perkahwinannya boleh mendatangkan kesusahan pada kehidupan orang lain. Mujur masalah dapat dikesan awal. Bayangkan apa yang mungkin terjadi jika mereka tidak tahu dan teruskan hubungan ke **jinjang pelamin**⁸. [End explicit messages] Hatinya berbetik. Sungguh tidak aku duga. Selama ini aku menyangka Hisham membenciku. Kini aku sedar bahawa sebenarnya dia mengambil berat tentang diriku.

Kosa Kata: Vocabulary

1. **hakikat**

sesuatu yang sudah nyata dan tidak dapat dinafikan lagi: *reality*

2. **salin tidak tumpah**

sama rupa: *look alike*

3. **berputik**

tampak tanda-tanda yang menyatakan akan berhasil: *to blossom*

4. **pucuk dicita ulam mendatang**

yang diperoleh lebih daripada yang dikehendaki: *to receive more than what was wished for*

5. **musykil**

sukar untuk memahami (sesuatu): *difficulty to comprehend (something)*

6. **keberadaan**

keadaan atau hal berada (di sesuatu tempat): *location*

7. **runcing**

genting: *precarious*

8. **jinjang pelamin**

perkahwinan: *marriage*

About Karang Kutu

Karang Kutu is an online store where you can purchase pieces of karangan at affordably low price. Each karangan will only cost you SDG\$1 (Singapore dollars). Every karangan is written following a writing strategy specifically tailored-made for its respective genre – narrative, descriptive and argumentative.

Teachers and students will find every karangan useful because it is annotated with side-notes to show how various techniques are used in when writing it.

Although the questions are categorised into O and N level questions, not all of the questions are from the past O and N level examination papers. However, these questions are chosen because they fulfill the specifications of O and N Level questions respectively.

We will be posting new karangan from time to time. Please follow us for updates, if God's will. You can also follow us in facebook here:

<http://www.facebook.com/karang.kutu>